

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 26 NOVEMBER 2014, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 55

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1323-L65114
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan dan perancangan Kerajaan bagi mengawal perkembangan pertubuhan haram yang tidak berdaftar dan mengancam kestabilan negara.
2. PR-1323-L64832
Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan program Kospen (Komuniti Sihat Perkasa Negara) di dalam melahirkan agen-agen perubahan kesihatan masyarakat daripada kalangan anggota KEMAS dan JKKK untuk membudayakan amalan hidup sihat di kalangan masyarakat serta apakah badan-badan bukan Kerajaan yang lain boleh juga mengambil bahagian.
3. PR-1323-L64345
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasional JKDM terhadap penukaran klasifikasi produk daripada suatu klasifikasi yang dikecualikan daripada cukai jualan kepada suatu klasifikasi yang dikenakan cukai jualan memandangkan ia akan membebankan rakyat secara amnya kerana harga produk akan menjadi lebih mahal.
4. PR-1323-L63959
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebab Kementerian mengamalkan dasar diskriminasi di mana hanya merizabkan tanah untuk pembinaan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan apabila terdapat keperluan segera untuk membina lebih banyak SJKT dan SJKC.
5. PR-1323-L64085
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada perlindungan kawalan keselamatan yang bakal dinikmati rakyat di kawasan sempadan seperti daerah Lawas mencukupi khususnya dari segi ancaman/ bahaya dadah (kemasukan dadah dari negara dan negeri sebagai pintu masuk, kemasukan Pendatang Tanpa Izin (P.T.I), kawalan judi haram/ Cyber Cafe dan kecurian dan lain-lain yang semakin meningkat.

6. PR-1323-L64207
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada wujudnya garis panduan rasmi untuk mengendalikan bumbung asbestos yang pecah. Adakah penalti yang boleh dikenakan jika sesiapa pihak tidak mematuhi garis panduan dalam mengendalikan serpihan asbestos.
7. PR-1323-L65373
Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana seriusnya gejala denggi di negara ini dan negeri-negeri manakah yang dikenal pasti mempunyai kes tertinggi.
8. PR-1323-L65335
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah St Thomas Kuantan bila akan dibina. Sekiranya tidak akan dibina pohon penjelasan masalah yang di hadapi pihak Kementerian.
9. PR-1323-L63571
Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Malaysia mampu memperoleh manfaat bersih dari AEC (Asean Economic Community) dan apakah sektor-sektor berpotensi untuk Malaysia ketengahkan bagi memperoleh manfaat AEC.
10. PR-1323-L63908
Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh institusi kewangan untuk pemilikan rumah dari tahun 2010 hingga Jun 2014.
11. PR-1323-L63855
Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status bekalan Internet/Bestarinet untuk kegunaan sekolah-sekolah dan penduduk-penduduk di kawasan pendalaman seperti di Sungai Asap, Bakun, Belaga dan di Baleh, Bahagian Kapit.
12. PR-1323-L63923
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini penganggur dikalangan para belia.
13. PR-1323-L63710
Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat kenderaan dari Singapura yang mempunyai rekod saman di Malaysia daripada masuk semula ke Singapura selagi saman tidak dibayar dan mengenakan VEP kepada kenderaan dari Singapura yang memasuki Malaysia pada kadar yang setara.

14. PR-1323-L65047
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan tindakan Kementerian terhadap kolej perubatan swasta Allianza University College of Medical Sciences (AUCMS) di Pulau Pinang yang didakwa menghadapi masalah kewangan sehingga tidak dapat membayar gaji staf dan mahasiswa terpaksa belajar dalam serba kekurangan.
15. PR-1323-L64923
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menempatkan pegawai sepenuh masa di stesen-stesen minyak bagi memastikan pengusaha-pengusaha stesen minyak mematuhi peraturan-peraturan penjualan minyak supaya tidak berlaku penyelewengan penjualan bahan bakar ; dan
 - (b) berapa banyak lesen penjualan minyak yang dikeluarkan kepada stesen minyak telah ditarik balik sejak 5 tahun kebelakangan ini ekoran menjalankan aktiviti penyelewengan penjualan minyak terutama nya di negeri Sarawak.
16. PR-1323-L64334
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan telah melibatkan agensi-agensi atau institusi agama seperti JAKIM di dalam program-program Kementerian seperti Program Pembangunan Minda Insan.
17. PR-1323-L63567
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang dalam membuat penyusunan semula masyarakat kerana dapat di lihat komposisi penduduk berasaskan demografik dan kaum yang tidak sekata di antara bandar-bandar besar, pinggir bandar dan luar bandar.
18. PR-1323-L64788
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes kebocoran soalan peperiksaan yang berlaku bagi mengikut tempoh perkhidmatan setiap Menteri Pelajaran. Nyatakan tindakan yang telah dikenakan bagi setiap mereka yang terlibat bermula daripada kategori pelajar, ibu bapa, guru, pengawas peperiksaan, kakitangan jabatan pelajaran, syarikat pencetak, kakitangan Kementerian dan Menteri Pelajaran.

19. PR-1323-L64000
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meluluskan kembali pembinaan IPD baru di Padang Besar memandangkan IPD lama sudah tidak sesuai lagi dari segi keadaan tempat kerja dan keadaan fasiliti serta peralatan kepolisian yang terhad. Begitu juga dengan balai-balai polis di beberapa tempat di Padang Besar perlu dinaiktaraf dengan kadar segera kerana keadaan yang daif dan tidak sesuai.
20. PR-1323-L63685
Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci cadangan pengambilalihan pemilikan penuh Penerbangan Malaysia MAS oleh Khazanah Nasional Bhd.
21. PR-1323-L64104
Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah Program 1AZAM dapat membantu golongan berpendapatan rendah keluar dari kepompong kemiskinan; dan
 - (b) adakah program ini akan diteruskan pada masa akan datang.
22. PR-1323-L65193
Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dari bermula tarikh kehilangan MH370 hingga September 2014; dan
 - (b) adakah sehingga kini Kerajaan atau MAS ada membayar apa-apa pampasan kepada keluarga mangsa-mangsa MH370 dan jika ada berapa jumlah pampasannya dan jika tidak ada, mengapa.
23. PR-1323-L63466
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina kemudahan NICU (Neonate Intensive Care Unit) dan mengganti Pakar Pediatrik yang telah berhenti di Hospital Limbang hinggakan perkakas yang telah dilulus dan telah berada di Hospital Limbang seperti DUOPAP pun dipindah ke Hospital Miri dengan alasan tiada kemudahan dan pakar.
24. PR-1323-L64306
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pencarian MH370 dan kos operasi mencari dan menyelamatkan sehingga kini.

25. PR-1323-L65262
Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah soalan-soalan bocor untuk peperiksaan, sepertimana yang telah berlaku terhadap soalan mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris bagi peperiksaan UPSR baru-baru ini.
26. PR-1323-L64945
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah hasil siasatan atas kebocoran soalan peperiksaan UPSR tahun ini. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan agar perkara berikut tidak akan berulang lagi pada masa depan.
27. PR-1323-L63594
Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana memulihkan Sistem Penerbangan Malaysia daripada segi kewangan.
28. PR-1323-L63884
Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai IPTA yang komited terhadap wakaf pendidikan dan langkah-langkah Kementerian dalam menjayakan wakaf pendidikan ini.
29. PR-1323-L65076
Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil ke atas pesawat selepas ianya dikenal pasti pihak yang menembak jatuh Pesawat MH17 di Ukraine baru-baru ini.
30. PR-1323-L64382
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) hasil laporan jawatankuasa siasatan ke atas kebocoran kertas peperiksaan SPM 2013; dan
 - (b) status penyediaan kertas peperiksaan alternatif bagi peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM dalam mengelakkan penangguhan.
31. PR-1323-L65308
Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendekatan yang diambil untuk membendung penularan virus Ebola ke negara ini, termasuk kesiapsiagaan Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan yang berfungsi memantau situasi penyakit ini dari semasa ke semasa.

32. PR-1323-L65211
Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penilaian prestasi (post mortem) terhadap atlet-atlet negara dalam Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow, memandangkan Malaysia gagal untuk mencapai matlamat tujuh emas yang ditetapkan. Nyatakan juga bilangan peserta atlet dan rombongan delegasi serta jumlah perbelanjaan para atlet dan rombongan delegasi Malaysia sepanjang berlangsungnya Sukan Komanwel.
33. PR-1323-L64597
Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jika Kementerian bersetuju dengan pandangan yang terkandung di dalam buku *Capital in the 21st Century* oleh Thomas Piketty dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperkenalkan Capital Gains Tax dalam perdagangan saham dan adakah terdapat usaha untuk memperkenalkan duti harta pusaka.
34. PR-1323-L63812
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah produk diesel dan petrol akan dikenakan GST.
35. PR-1323-L64571
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah bilangan dan gaji kakitangan Kerajaan yang bekerja di Jabatan Perdana Menteri mengikut kategori, portfolio masing-masing serta jumlah peruntukan Kerajaan untuk Kementerian Jabatan Perdana Menteri.
36. PR-1323-L63539
Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan taburan guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Kelantan, mengikut pecahan jabatan pelajaran daerah (PPD) bagi tahun 2013 dan 2014 bagi butiran berikut:-
- (a) bilangan terhak, bilangan yang ada dan Peratusan kekosongan; dan
 - (b) apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris.
37. PR-1323-L64354
Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan pihak Kementerian telah mengeluarkan kenyataan ingin mewujudkan Desa Abad 21, sejauh manakah perkembangan mahupun kejayaan yang telah dicapai.
38. PR-1323-L63822
Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan keperluan tenaga di pasaran dapat dipenuhi dengan optimum dan mengelakkan masalah lambakan pengangguran graduan dalam suatu bidang khusus seperti guru atau jururawat.

39. PR-1323-L64150
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan akan mengkaji dan menilai semula kadar gaji minimum dengan mengambil kira faktor-faktor utama seperti kos sara hidup, indeks garis kemiskinan, produktiviti dan kadar pengangguran semasa; dan
 - (b) bilakah Kerajaan bercadang untuk menyeragamkan kadar gaji minimum di seluruh negara.
40. PR-1323-L64563
Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes tibi di Malaysia. Apakah faktor-faktor yang menjadi punca utama jangkitan tibi di negara kita dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian untuk menangani penyakit yang bahaya ini.
41. PR-1323-L64025
Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kontrak penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi 1BestariNet akan dilanjutkan, dan jika ya apakah perinciannya termasuk kos, jangka masa dan kontraktor yang terlibat.
42. PR-1323-L65107
Datuk Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah melaksanakan program outreach bagi menerangkan kepada segenap lapisan masyarakat terhadap penglibatan Malaysia dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan apakah manfaat yang boleh dibawa oleh perjanjian ini, khususnya dari segi akses pasaran yang boleh dijangkakan.
43. PR-1323-L64843
Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa FELDA menahan pembayaran dividen Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) yang diterima dan duit raya pada tahun ini untuk ribuan peneroka-peneroka FELDA yang menyaman FELDA atas isu kadar perahan gred yang rendah dan mengugut peneroka-peneroka tersebut supaya menarik balik saman untuk mendapat duit ini.
44. PR-1323-L64477
Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah peruntukan dapat disalurkan untuk mewujudkan sistem kumbahan dan pembetulan yang moden lagi sistematik bagi jeti-jeti iklan di sepanjang Pengkalan Weld, Pulau Pinang supaya sisa-sisa buangan tidak lagi disalurkan terus ke dalam laut.

45. PR-1323-L63645
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan tindakan KTM memecat pekerja-pekerjanya yang merupakan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja syarikat itu.
46. PR-1323-L64425
Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan faktor berlakunya ketidakseimbangan gender dalam pengambilan pelajar universiti sesi 2014/2015 memandangkan 70% daripadanya adalah perempuan.
47. PR-1323-L64680
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen bagi meneliti proses persempadanan semula kawasan-kawasan pilihan raya.
48. PR-1323-L64651
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah punca utama penurunan harga komoditi kelapa sawit. Apakah tindakan atau langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membantu peladang-peladang kelapa sawit memandangkan harga kelapa sawit yang begitu rendah.
49. PR-1323-L63456
Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) prestasi atlet-atlet kebangsaan yang mewakili negara pada Sukan Komanwel 2014; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian bagi terus mempertingkatkan prestasi atlet-atlet negara pada masa hadapan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014

2. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

- * Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) 2014

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2014

4. **Menteri Pendidikan**

- * Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2014

5. **Menteri Sumber Manusia**

- * Rang Undang-undang Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

Bahawa Dewan ini,

menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai ancaman kumpulan militan Islamic State terhadap keselamatan negara kepada semua lapisan rakyat Malaysia;

menyedari akan perlunya bekerjasama dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam semua usaha menangani ancaman kumpulan militan Islamic State;

menyokong Kerajaan melaksanakan dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenalkan menangani ancaman kumpulan militan Islamic State;

melulus dan merestui dasar-dasar dan usaha-usaha yang diperkenal oleh Kerajaan untuk menangani ancaman kumpulan militan Islamic State;

dalam meluluskan Kertas Putih “Ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State”, Dewan ini menyeru semua lapisan rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka untuk bersama-sama menyokong Kerajaan menangani ancaman berkenaan.

- | | | | |
|----|---------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R 10/2014) | <p>Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) (No.2) 2014 -
 Menyambung semula Perbahasan atas masalah,
 “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali
 yang kedua sekarang”
 (9 Oktober, 2014)</p> <p align="center">[Menteri Dalam Negeri]</p> | |
| 3. | (D.R 19/2014) | <p>Rang Undang-undang Kewangan (No.2)
 2014</p> <p align="center">[Menteri Kewangan]</p> | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 4. | (D.R 25/2014) | <p>Rang Undang-undang Penghasilan
 Bersih Perjanjian Kewangan 2014</p> <p align="center">[Menteri Kewangan]</p> | “ |
| 5. | (D.R 16/2014) | <p>Rang Undang-undang Suruhanjaya
 Syarikat Malaysia (Pindaan) 2014</p> <p align="center">[Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
 Koperasi dan Kepenggunaan]</p> | “ |

- | | | | |
|-----|----------------|--|-------------------------------|
| 6. | (D.R 17/2014) | Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 7. | (D.R 18/2014) | Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan] | |
| 8. | (D.R. 20/2014) | Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 9. | (D.R. 21/2014) | Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 10. | (D.R. 22/2014) | Rang Undang-undang Juruukur Bahan (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 11. | (D.R. 24/2014) | Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No.2) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kesihatan] | |
| 12. | (D.R 11/2014) | Rang Undang-undang Tatacara Kewangan (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 13. | (D.R 13/2014) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara (Pindaan) 2014 | “ |
| | | [Menteri Kewangan] | |

14. (D.R 12/2014) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2014 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

15. (D.R 14/2014) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2014 “

[Menteri Kewangan]

16. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan), membuat pelaburan dengan menukarkan pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM400 juta kepada Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV), sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti bersamaan dengan Empat Ratus Juta (400,000,000) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham”.

17. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

“Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional”

18. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

“Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan”

19. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah perenggan 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957, membuat ketetapan bersetuju supaya menambah ke dalam jadual Kedua Akta tersebut kumpulan wang yang dikenali sebagai –

‘ Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan’ “

20. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], membuat ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM474,815,882 kepada Prasarana Malaysia Berhad, sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), kepada ekuiti dalam Prasarana Malaysia Berhad bersamaan dengan Empat Ratus Tujuh Puluh Empat Juta Lapan Ratus Lima Belas Ribu Lapan Ratus Lapan Puluh Dua (474,815,882) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham."

21. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh Subseksyen 20(2), Subseksyen 10(3), Subseksyen 160(2), Subseksyen 56(2), Subseksyen 17(5) dan 18(3) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil.ST.71, ST.72, ST.73, ST.86 , ST.87, ST.88 dan ST.152 tahun 2014 disahkan".

22. PR-1323-U63530

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ketiadaan "Standby Generator" di Klinik Kesihatan Putatan telah menimbulkan banyak kerumitan kepada pengguna dan pengendali Klinik Kesihatan Putatan. Dan mengambil maklum juga, bahawa dengan kekerapan gangguan bekalan elektrik yang dihadapi oleh Negeri sabah pada ketika ini, ada kalanya klinik tersebut tidak dapat berfungsi sehingga beberapa jam sehari dan dikhuatiri akan mendatangkan kemudaratan dalam kes kecemasan.

Dan mengambil maklum juga bahawa, para pengguna Klinik Kesihatan Putatan bukan sahaja yang datang daripada daerah Putatan tetapi juga dari kawasan berdekatan seperti Tanjung Aru, Kepayan, Petagas dan Kinarut. Dan mengambil maklum juga bahawa, selain keadaan gelap gelita dan kelam kabut ketika berlaku gangguan bekalan elektrik, ianya juga membuatkan rakyat mula merungut tentang mutu perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh pihak Kementerian. Maka, bagi mengatasi masalah, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, pihak Kementerian hendaklah memasang "Standby Generator Set" bagi Klinik Kesihatan Putatan."

[Kementerian Kesihatan]

23. PR-1323-U63531

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah kian menjadi-jadi di mana dikatakan daripada tahap teruk kepada tahap parah". Dan mengambil maklum juga, bahawa setiap kali gangguan bekalan elektrik berlaku, terdapat banyak rungutan dari kalangan rakyat mengenai dengan kerugian daripada segi produktiviti, hasil dan juga kerosakan harta benda. Dan mengambil maklum juga bahawa setiap gangguan bekalan elektrik berlaku, wakil rakyat akan diburu dan dipersalahkan.

Dan mengambil maklum juga bahawa, kenyataan demi kenyataan oleh pihak berwajib bahawa gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah akan dapat diatasi tetapi sehingga kini gangguan bekalan elektrik tetap berlaku malah semakin kerap. Maka, demi untuk kesejahteraan rakyat, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, pihak Kementerian mengambil satu tindakan yang drastik jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah. "

[Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air]

24. PR-1323-U63540

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, sejak akhir-akhir ini, terdapat banyak seruan untuk membawa negeri Sabah dan Sarawak keluar daripada Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga, bahawa seruan ini adalah kononya berikutan dengan ketidakpuasan hati segelintir rakyat di kedua-dua negeri ini mengenai dengan isu-isu seperti royalti minyak, tarikh kemerdekaan, pengagihan dana pembangunan serta status ekonomi Bumiputera Negeri Sabah dan Sarawak.

Dan mengambil maklum juga bahawa, dalam kes negeri Sabah, Isu Pembentangan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai pendatang asing tanpa izin yang dikatakan dilengah-lengahkan serta kebanjiran pendatang asing tanpa izin ke negeri Sabah yang dikatakan telah menggugat keselamatan negara, telah memburukkan lagi keadaan. Dan juga mengambil maklum bahawa, sentimen Anti-Persekutuan dan sentimen Anti Sabah dan Sarawak yang dimainkan oleh segelintir pihak kini kian merebak dengan serius dan, ini kalau tidak ditangani dengan kadar segera akan menyebabkan kacau bilau dan menggugat keharmonian negara. Serta mengambil maklum juga bahawa, terdapat juga kenyataan-kenyataan pemimpin Kerajaan, NGO dan orang perseorangan yang dianggap kurang sensitif kepada perasaan penduduk negeri Sabah dan Sarawak. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, Kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas kepada mereka yang bertanggungjawab, sama ada dari pihak awam, NGO, pemimpin Kerajaan dan pembangkang agar sentimen Anti-Persekutuan serta anti Sabah dan Sarawak dapat dibendung. Kerajaan juga hendaklah bertindak untuk menutup mana-mana laman sosial yang telah dibuktikan terlibat dalam gejala ini."

[Kementerian Dalam Negeri]

25. PR-1323-U63554

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, kemalangan yang melibatkan maut terutama sekali kenderaan awam kian meningkat kerana disebabkan oleh pemanduan laju. Dan mengambil maklum juga, bahawa kadar kemalangan ini meningkat terutama sekali dalam musim perayaan di mana para pengusaha dan pemandu kenderaan pengangkutan awam cuba memaksimumkan keuntungan dengan tanpa menghiraukan keselamatan penumpang. Dan mengambil maklum juga bahawa, pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia menghadapi kekangan kekurangan tenaga anggota serta jarak untuk menguatkuasakan had laju.

Dan mengambil maklum juga bahawa, kuasa pengguna (penumpang) kenderaan pengangkutan awam boleh membantu pihak berkuasa untuk menentukan had laju kenderaan yang mereka tumpang dengan menegur pemandu tersebut apabila mereka melepasi had laju yang dibenarkan. Dan mengambil maklum juga bahawa pemasangan meter kelajuan kedua serta alat penggera di dalam kenderaan pengangkutan awam akan membolehkan para penumpang menyedari bahawa kenderaan yang mereka naiki telah melepasi had laju yang dibenarkan dan sekali gus menegur si pemandu tadi dan ini dapat mengelakkan kemalangan daripada berlaku. Maka, bagi menangani masalah kemalangan yang disebabkan oleh pemanduan laju, dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, semua kenderaan pengangkutan awam hendaklah dipasang dengan meter kelajuan kedua dan alat penggera. "

[Perdana Menteri]

26. PR-1323-U63967

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan telah gagal untuk perhatin terhadap situasi pemerdagangan manusia dan mengambil tindakan dalam kes-kes pemerdagangan manusia sehingga Malaysia telah turun gred sehingga ke Tahap 3 (Tier 3) seperti yang dilaporkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat dalam Laporan Pemerdagangan Orang 2014 (Trafficking in Persons Report 2014). Dalam keadaan ini Dewan ini mengarah Perdana Menteri mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dengan segera."

[Kementerian Dalam Negeri]

27. PR-1323-U64509

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah untuk mencegah ekstremisme di Malaysia. "

[Kementerian Dalam Negeri]

28. PR-1323-U64511

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dasar perubahan iklim."

[Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar]

29. PR-1323-U65224

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk kes kematian di bawah tahanan Polis Di Raja Malaysia, keluarga si mati diberi kebenaran sepenuhnya untuk memperoleh Pakar Perubatan Forensik sendiri bagi mewakili pihak keluarga si mati semasa bedah siasat dijalankan"

[Kementerian Dalam Negeri]

30. PR-1323-U65226

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam bagi menangani gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

[Kementerian Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2014</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR.10	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Parlimen Ketiga Belas – Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan – Cobra Cutting Extinguisher Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan	26 November 2014
ST.118	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.120	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA) Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.130	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.135	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.136	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.147	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.148	Laporan Tahunan Dan Penyata Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.154	Laporan Tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2013	26 November 2014
ST.156	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.157	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) Bagi Tahun 2013	26 November 2014

ST.158	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.159	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu Bagi Tahun 2012 Dan 2013	26 November 2014
ST.160	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.164	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 95 Tahun 1980 (Elaun dan Keistimewaan bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Rakyat)	26 November 2014
ST.165	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 102 Tahun 1980 (Elaun dan Keistimewaan bagi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat)	26 November 2014
ST.166	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 (Elaun dan Keistimewaan bagi Ahli Parlimen)	26 November 2014
ST.176	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia Bagi Tahun 2013	26 November 2014
ST.178	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Bagi Tahun 2013	26 November 2014